



KEMENTERIAN PENDIDIKAN

SOALAN LAZIM

**PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KOHORT UMUR 6+
DAN KOHORT UMUR 5+ BAGI KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2027**

PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KOHORT UMUR 6+ DAN KOHORT UMUR 5+ BAGI KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2027

1. Siapakah yang layak memohon ke Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027?

Permohonan adalah terbuka kepada kanak-kanak warganegara Malaysia kohort enam tahun (5+) dan tujuh tahun (6+) seperti berikut:

- i. Tujuh tahun (6+): Tarikh lahir 2 Januari 2020 - 1 Januari 2021
- ii. Enam tahun (5+): Tarikh lahir 2 Januari 2021 - 1 Januari 2022.

2. Bilakah tarikh permohonan pendaftaran Tahun 1 kanak-kanak berumur 5+ dan 6+ Kalendar Akademik Tahun 2027 akan dibuka?

Tarikh permohonan pendaftaran Tahun 1 kanak-kanak warganegara Malaysia berumur 5+ dan 6+ Kalendar Akademik Tahun 2027 **dibuka** mulai **15 Februari 2026** sehingga **31 Mac 2026** secara dalam talian.

Bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia berumur 5+ dan 6+ Kalendar Akademik Tahun 2027, **permohonan pendaftaran secara luar talian** bermula pada **bulan Jun 2026** dengan mengisi borang yang disediakan di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) / Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) yang berhampiran.

3. Bagaimanakah cara membuat permohonan ke Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027?

Permohonan ke Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027 boleh dibuat secara dalam talian melalui pautan <https://idme.moe.gov.my> dalam Modul Pengurusan Awam, Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS).

Bagi kanak-kanak bukan warganegara Malaysia berumur 5+ dan 6+ Kalendar Akademik Tahun 2027, ibu bapa/penjaga kanak-kanak perlu hadir ke PPD/JPN yang berhampiran untuk membuat permohonan secara luar talian dengan mengisi Borang Permohonan Murid Bukan Warganegara bersama dokumen-dokumen yang asal dan salinan yang telah ditentukan.

PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KOHORT UMUR 6+ DAN KOHORT UMUR 5+ BAGI KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2027

4. Adakah ibu bapa/penjaga boleh membuat permohonan, sekiranya telah tamat tarikh tutup?

Ya, ibu bapa/penjaga boleh berurusan terus di kaunter PPD/JPN selepas tarikh tutup permohonan.

5. Bagaimanakah kaedah penempatan bagi murid 5+ dan 6+ yang akan memasuki Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027?

Penempatan murid adalah berdasarkan alamat tempat tinggal dan tertakluk kepada kekosongan tempat di sekolah yang dipilih. Penawaran ke sekolah lain akan diberikan sekiranya tiada kekosongan di sekolah yang dipilih.

6. Adakah ibu bapa/penjaga perlu menghantar Borang Perakuan Sekolah ke sekolah yang dimohon selepas permohonan secara dalam talian dibuat?

Ya, ibu bapa/penjaga perlu menghantar Borang Perakuan Sekolah dalam tempoh 14 hari bekerja dari tarikh permohonan dalam talian bagi tujuan semakan dan pengesahan pihak sekolah.

7. Apakah dokumen yang perlu dibawa bersama-sama semasa menghantar Borang Perakuan Sekolah?

Borang Perakuan Sekolah perlu disertakan dengan dokumen sokongan yang asal dan salinan yang telah disahkan seperti berikut:

- i. Sijil lahir murid;
- ii. Kad Pengenalan ibu bapa/penjaga;
- iii. Dokumen hak penjagaan (sekiranya berkaitan);
- iv. Sijil nikah; dan
- v. Bil utiliti.

PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KOHORT UMUR 6+ DAN KOHORT UMUR 5+ BAGI KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2027

8. Sekiranya ibu bapa/penjaga membatalkan pilihan sekolah dan memilih sekolah baharu dalam permohonan Tahun 1 secara dalam talian, perlukah mereka menghantar Borang Perakuan Sekolah ke sekolah yang baharu?

Ya, ibu bapa/penjaga perlu menghantar Borang Perakuan Sekolah yang baharu ke sekolah yang dipilih berserta dengan dokumen sokongan yang asal dan salinan yang telah disahkan.

9. Adakah kanak-kanak berumur 5+ yang telah didaftarkan ke Tahun 1 boleh membatalkan permohonan?

Ya, ibu bapa/penjaga boleh membuat pembatalan permohonan ke Tahun 1 secara:

- dalam talian melalui pautan <https://idme.moe.gov.my> dalam Modul Pengurusan Awam, Sistem Bersepadu Kementerian Pendidikan (MOEIS) sepanjang tempoh permohonan dibuka sehingga 15 November 2026; atau
- menghubungi sekolah yang dimohon; atau
- menghubungi pegawai pengurus pendaftaran murid di Sektor Pengurusan Sekolah (Unit Rendah) di PPD/JPN.

10. Adakah pertimbangan diberikan kepada kanak-kanak berumur 5+ yang telah mendapat taraf warganegara Malaysia setelah tarikh permohonan ditutup?

Ya, pertimbangan permohonan diberikan kepada kanak-kanak yang baharu mendapat taraf warganegara. Permohonan ini dibuat secara luar talian di PPD/JPN berhampiran, sekiranya tarikh permohonan telah ditutup.

11. Bilakah keputusan penempatan Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027?

Keputusan penempatan Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027 akan dimaklumkan **mulai 1 hingga 31 Ogos 2026** melalui pautan <https://idme.moe.gov.my> dalam Modul Pengurusan Awam, MOEIS. Pemakluman keputusan penempatan akan dipaparkan di laman utama idMe.

PENDAFTARAN MURID TAHUN 1 BAGI KOHORT UMUR 6+ DAN KOHORT UMUR 5+ BAGI KALENDAR AKADEMIK TAHUN 2027

12. Adakah ibu bapa/penjaga boleh membuat rayuan sekiranya tidak mendapat sekolah yang dipilih?

Ya, ibu bapa/penjaga boleh membuat rayuan dalam tempoh sebulan dari tarikh keputusan dikeluarkan. Permohonan boleh dibuat melalui pautan <https://idme.moe.gov.my> dalam Modul Pengurusan Awam, MOEIS. Walau bagaimanapun keputusan rayuan adalah berdasarkan kekosongan tempat di sekolah yang dipilih.

13. Sekiranya ibu bapa/penjaga tidak mendapat sekolah pilihan dan ingin membuat rayuan, adakah mereka perlu menghantar semula Borang Perakuan Sekolah ke sekolah yang dirayu?

Tidak, Borang Perakuan Sekolah tidak perlu dihantar ke sekolah yang dirayu ketika membuat rayuan penempatan.

14. Adakah meja bantuan disediakan jika terdapat pertanyaan berkaitan permohonan pendaftaran Tahun 1 Kalendar Akademik Tahun 2027?

Ada. Sebarang pertanyaan boleh disalurkan kepada PPD/JPN yang berhampiran.